



PEBAKOM

Persatuan Bahasa Arab Komunikasi (PEBAKOM) ialah sebuah persatuan berdaftar di bawah Hal Ehwal Pelajar UiTM dan bergerak bersama-sama persatuan lain di dalam Akademi Pengajian Bahasa. Persatuan ini dikelolakan oleh pelajar-pelajar LG242 dibawah pantauan penasihat persatuan. Saban tahun, Pebakom komited menjalankan pelbagai bentuk program yang memberi manfaat bukan sahaja kepada ahli persatuan, malahan juga kepada ahli jawatankuasa yang menguruskan program.

TAARUF & SHARING SESSION (التعارف وجلسة تبادل الخبرات)

Program ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar baharu tentang Persatuan Bahasa Arab Komunikasi Profesional (PEBAKOM) dengan lebih mendalam disamping memberi galakan kepada mereka untuk turut aktif di dalam aktiviti persatuan. Pebakom juga telah menjemput dua orang alumni LG242 dan seorang pelajar semester lima untuk berkongsi pengalaman dan tips kecemerlangan yang boleh digunapakai sepanjang sesi pembelajaran.



ARABIC MUMTAZ CAMP (مخيم ممتاز عربي)

Program ini merupakan program yang dianjurkan oleh Program Bahasa Arab Komunikasi Profesional (LG242) dengan kerjasama Persatuan Bahasa Arab Komunikasi (PEBAKOM) . Program ini bertujuan membantu pelajar untuk mempraktikkan bahasa Arab di luar kelas. Melalui program ini, pelajar dikumpulkan dalam satu persekitaran yang menggunakan bahasa Arab untuk mewujudkan persekitaran bahasa Arab secara semula jadi dalam kalangan pelajar dengan cara menjadi fasilitator dalam kumpulan-kumpulan kecil yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan satu, tingkatan dua dan tingkatan tiga dari SAMT Sultan Hisamuddin Kampung Jawa. Peserta program ini adalah seramai 115 yang terdiri daripada pelajar LG242 daripada semester tiga hingga semester lima. Para mahasiswa mampu menjadikan program ini sebagai satu platform untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab secara intensif dalam pelbagai situasi dihadapan masyarakat luar.



PERLAWANAN PERSAHABATAN DEBAT BAHASA ARAB

Pada 26 September 2020, Biro Debat PEBAKOM dengan kerjasama Kelab Debat Bahasa Arab Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan “Perlawanan Persahabatan Debat Arab” yang pertama kali diadakan secara atas talian dengan menggunakan platform Google Meet. Kedua-dua kumpulan perlu menghantar pelajar yang masih baru dan tiada pengalaman dalam perdebatan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menggilap bakat pelajar dalam debat bahasa Arab dan menjadikan mereka sebagai pelapis pada masa hadapan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan pelajar dalam mempraktikkan bahasa Arab terutamanya dalam aspek komunikasi Bahasa Arab dengan fasih dan yakin tanpa diselubungi perasaan takut dan ragu-ragu.

PERLAWANAN PERSAHABATAN DEBAT BAHASA ARAB

نادي المناظرة باللغة العربية
KDBA
KELAB DEBAT BAHASA ARAB
جامعة السلطان إدريس الترنوبية

26/9/2020 | SABTU
Google Meet
9.00 pm


UITM Shah Alam
الحكومة

UPSI
المعارضة

المشروع (TAJUK):
الرياضة الإلكترونية
رياضة غير صحية
Sukan Elektronik (e-Sport)
adalah sukan yang tidak sihat

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
ARABIC DEBATE AND
PUBLIC SPEAKING CLUB
نادي المناظرة والحطابة باللغة العربية

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERSATUAN BAHASA ARAB KOMUNIKASI



TAARUF MAHABBAH SISWA (التعارف والمحبة بين الطلبة)

Objektif keseluruhan program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar baharu tentang Persatuan Bahasa Arab Komunikasi Profesional (PEBAKOM) dengan lebih mendalam disamping memberi galakan kepada mereka untuk turut aktif di dalam aktiviti persatuan. Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Akademi Pengajian Bahasa dan para penasihat persatuan. Program diakhiri dengan sesi perkongsian santai oleh pelajar cemerlang LG242 untuk memberikan motivasi kepada para pelajar baharu. Secara keseluruhannya, program ini dapat meningkatkan keyakinan diri dan motivasi pelajar untuk memulakan sesi pembelajaran melalui atas talian selain dapat memupuk semangat untuk berjaya dalam diri para pelajar dan bersaing secara sihat dalam mencapai kejayaan.

 **UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA** | Akademi
Pengajian Bahasa

**TAARUF MAHABBAH
SISWA 2020**

المحبة والتعارفين الطلبة

Tarikh : 17 Okt 2020 (Sabtu)
Masa : 2 pm - 4 pm
Platform : Google Meet
Peserta : Pelajar Semester 1

 **PERSATUAN BAHASA ARAB KOMUNIKASI
SANJANA MUDA (BAHASA GUNUNG)
BAHASA ARAB KOMUNIKASI PROFESIONAL**

